

KENYATAAN NAJIB
Chedet.cc
23 September 2016
Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Kenyataan Najib adalah kenyataan Najib. Sebenarnya Perlembagaan Malaysia memperuntukkan berbagai cara untuk menangani masalah yang dihadapi oleh Negara, dan ini termasuk penyelewengan oleh Perdana Menteri. Bacalah Perlembagaan sebelum membuat kenyataan yang rakyat tidak bertindak berasaskan undang-undang tubuh Negara.
2. Yang benar-benar tidak mengikut undang-undang Malaysia ialah Najib. Tidak ada "Rule of Law", pemerintahan mengikut undang-undang, yang di amal oleh Najib.
3. Jika ada "Rule of Law" rakyat boleh buat laporan kepada polis berkenaan kehilangan berbilion duit rakyat. Tetapi apabila laporan polis dibuat, yang membuat laporan di soal, ditahan dan dituduh sabotaj ekonomi dah dihadapkan ke mahkamah. Peguamnya juga disoal oleh polis, ditahan dan dihadapkan ke mahkamah.
4. Laporan Bank Negara, MACC, Juruaudit Negara ditolak bulat-bulat oleh Peguam Negara (AG). Kononnya kerana tidak ada kes terhadap Najib. Tetapi laporan-laporan ini dirahsiakan.
5. Undi tidak percaya dalam Parlimen tidak boleh diadakan kerana ahli parti BN disuap dedak, diugut dan ada yang dipecat. Mereka tidak bebas. Sekali lagi Najib menidakkan proses undang-undang untuk kesejahteraan rakyat.
6. Jika Najib berani dan tidak terlibat dengan apa-apa jenayah, kembalilah kepada undang-undang Negara.
7. Janganlah tegur orang kerana kononnya tidak mengikut undang-undang sedangkan kita sendiri bukan sahaja tidak mengikut undang-undang tetapi menghalang perjalanan undang-undang.

34 thoughts on "KENYATAAN NAJIB"



1. [Log in to Reply Karl](#) Sep 26, 2016 8:43 AM

Entri DrM kali ini, jelas terbayang kekecewaan DrM selepas YDP Agung menolak rayuan DrM utk menyeret Raja-raja ke dalam kancah politik.

Titah YDP Agung bahawa kempen tandatangan Deklarasi Mahathir tidak mematuhi Perlembagaan dalam pembentukan sebuah kerajaan adalah satu penampar Jepun yg hinggap di muka DrM. Kena sekolah dgn YDP. Kaw kaw.

Ni nak habaq mai.



2. [Log in to Reply tariqmind](#) Sep 26, 2016 12:35 AM

Salam Tun,

Satu point amat penting saya nak 'highlight' dalam Post Tun di 'Malaysian Official 1'.

Point Terakhir. (Dipetik Dari Saman DoJ)

XXI. Page 76 para 264. " Bank records associated with the Tanore Account show that TAN was the beneficial owner of the Tanore Account, from which the \$681,000,000 payments to the account of MALAYSIAN OFFICIAL 1 (Najib) were made, and that 1MDB OFFICER 3 was added as an authorized signor on the Tanore Account roughly one day before the first wire of \$620,000,000 was sent from the Tanore Account to the account of MALAYSIAN OFFICIAL 1 (Najib)."

.....

Penjelasan oleh DS Najib dan pemimpin UMNO dari Kerajaan kepada seluruh anggota masyarakat bahawa derma USD 681 million (RM 2.6 billion yang mahsyur di media) bahawa datangnya dari 'Tok Arab'.

Dari petikan atas ditulis bahawa 'beneficial owner' atau pemilik akaun Tanore Finance Corp yang menderma adalah 'TAN' iaitu Eric Tan Kim Loong, kenalan Jho Low.

Soalan 'PENTING'....

Bagaimana penderma Eric 'TAN' seorang Cina tapi bangsanya 'Arab'?

Mungkin Tun boleh tanya pendapat-pendapat orang ramai setiap kali memberi ucapan berkenaan Kes 1MDB. Cuba tanya adakah 'Rakyat' Malaysia atau Bangsa Malaysia, Bangsa mudah diperbodohkan?

*Ps : Tanore = 'Tan'-ore, TAN = Eric Tan, ore pula bmaksud bijih dlm Bahasa Italy..myb bijih (lubang duit). nama company xdak kena mengena dgn bahasa Arab.

3.  [Log in to Reply](#) **faridina** [Sep 26, 2016 12:04 AM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Buat Hajar selaku kalangan otai2 blog ini terima kasih kerana pencerahan siapa Karl atau Karl dai kedua2nya bukan nama sebenar.

No wonderlah dia bertegur sapa dengan wajaperak macam dah lama kenal dan tak berani nak berbalah atau bertelagah dengannya.

Sah-sahlah Mamat ni seperti yang diriwayatkan tapi koi tak puashati sebab semenjak dua menjak tak boleh bukak karl-iskandar.ml mesti dah dapat beribu2 email address bolehlah tawarkan skim to skema

aok tu ya .

Ana dengar cakap Cruze malaslah nak layan budak skema ni elok dihebahkan berita buat orang2 Perak (salam buat Salleh Sungkai) kome jangan lupa datang beramai2 ke;

Perak Bersatu bersama Tun M & TSMY
Dewan EMV, PPMP3 Plaza Bowling
(Belakang AEON Sri Manjung)
Tarikh: 2 Oktober 2016 Masa: 8.00 mlm

Ambil kesempatan ini untuk mendaftar sebagai ahli PPBM sekali. Jumpa muka di sana ya sebelum tu kita pekena nasi ganja di Ipoh dulu.

Wasalam Tun.

p/s – Bro Zubir nanti lepas program kita pi tengok 'The Magnificent 7' kat AEON alrite dan nak tanya bab uncle MC.

4.  [Log in to Reply anti rasuah](#) Sep 25, 2016 9:41 PM

Assalamualaikum Tun.

Sedikit saya nak sentuj tentang keahlian PPBM.

Tinjauan rambang pergaulan saya mendapati ramai kawan-kawan saya menyertai PPBM.

Ada yang maklumkan memang ramai ahli-ahli umno yang tidak boleh menerima cara Najis mentadbir negara. Ada sebahagian mereka sertai PPBM dan ada yang secara diam akan menyokong PPBM atau tidak mengundi UMNO atau BN.

Ramai juga yakin PRU14 Najis akan digulingkan. Dia adalah ketua parti yang tiada integriti dan rasuah lagi tidak bijak. Rakyat atas pagar pastinya memihak kepada bukan UMNO/BN. Kerana apa? Kerana ketuanya.

Tambah satu lagi manisfesto Tun:

Gantikan BR1M dengan kaedah yang lebih cerdas jika mahu membantu golongan yang miskin. Contohnya perluaskan peranan Lembaga Zakat di setiap negeri untuk membantu golongan Islam yang memerlukan manakala yang bukan Islam kita tubuhkan badan seperti zakat negeri tetapi khas untuk jaga kebajikan masyarakat bukan Islam.

Banyak cara lain yang lebih elok dan bijak Tun.

Kawal hartanah khususnya harga rumah pun sebenarnya boleh dikawal dengan syarat kerajaan berani dengan beberapa pendekatan tidak popular kepada pemaju perumahan tetapi baik untuk rakyat akhirnya rakyat akan berpuashati dengan kepimpinan yang berjuang demi rakyat.

Wassalam.

5.  [Log in to Reply milshah](#) Sep 25, 2016 9:16 PM

Assalamualaikum Tun,

I've been wondering about Najib's statement regarding your meeting with the Agong. He made a statement on behalf of the Agong. It seems so out of place.

For one thing, if the Agong wants to say something he does not need Najib to talk on his behalf.


Another thing that puzzles me, Najib is famous for his golden silence on anything related to the 1MDB scandal. Why suddenly he wants to talk about the 1MDB scandal, and on not his behalf, but on the Agong's behalf?

This leads me to conclude Najib's fourth fear. He fear the Agong and the Majlis Raja-raja. Constitutionally, the true leader of Malaysia is the Agong and not the Prime Minister.

If the Agong decreed for those guilty of the 1MDB scandal to be brought to justice, wouldn't the government i.e AG, IGP, etc be duty bound to follow his decree?

I may be wrong, but I think Najib does fear the Agong that led him to speak on his behalf.

On another note, I have submitted to be a member of PPBM lifetime. May Allah save our religion, race and country.

6.  [Log in to Reply Hajar](#) Sep 25, 2016 2:38 PM

Salam YAB dan Yang Amat DiKasihi Tun,

Sudahlah Sdr. Karl. I know you better than most of the commentators here.

Anda bukan orang baru di blog Chedet. Sudah bertahu-tahun dah... tapi beri komen sekali-sekala. (Jika saya silap betulkan saya.)

Kononnya, penyokong2 Tun M naif dan mudah ditipu. Alahai. Hang ni tak habih2 meroyan.

Ataupun Sdr. Karl rasa amat kecewa kerana ramai yang sudah tahu dan sedia maklum dengan segala kelentong, celaan dan fitnah anda... Oghang (orang) tak percaya kat hang dah...

Sekarang sudah JUTAWAN lah ye? Ingat, hasil duit haram TIDAK BERKAT. 'Daging haram' akan dibakar oleh api neraka..

Kalau tidak silap saya, bisnes hang dulu lingkup (masa tu jutawan la kan) sebab ekonomi dunia dan negara merudum/runtuh. Betulkan saya jika saya silap ye...(ikhlas ni).

Saja...nak habaq mai kat orghang di sini yang hang bukan baru kat blog ni. Dulu KELAKUAN hang tak TERUK dan HAMPEH, tapi la ni, Astaghfirullah.... Hang berubah kerana faktor 'Cash is King'. Betulkan? (kalau saya silap sila betulkan saya.)

Hang beghentilah bagi KENYATAAN2 dangkal/bodoh, menghasut dan memfitnah di blog Tun. Banyak dosa besaq yang hang dapat. Saya bimbang hang jadi 'BILLIONAIRE' dosa pulak. Duit hang yang berjuta-juta ringgit takkan dapat tolong hang di ahkirat kelak.

Hang jangan mangah na...cek cuma cakap terus terang...

Hang yang bod*h piang dok percaya cakap dan KENYATAAN2 DANGKAL PM Najib @ Ah Jib Gor tapi dok mengata kat oghang macam2. Maaf na...

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga ***



7. [Log in to Reply musato](#) Sep 25, 2016 12:17 PM

Assalamualaikum Tun.

Dibacakan juga bahawa sang guru kepada Syeikh Abdul Qadir Al Jailani yang kerjanya sebagai tukang sirap memohon maaf atas kekasaran beliau ketika mengajar Sultanul Aulia' itu.

Dibacakan juga guru kepada Ustaz Sharhan yang bertempat di Mesir memohon maaf kerana berlaku kasar semasa mengajar ustaz tersebut. Dan kerana itu hanya 2 orang sahaja tamat pengajian dari 10 orang yang datang menuntut.

Permohonan maaf ini kerana rasa bersalah apabila berlaku kasar dan teruk semasa menurunkan ilmu yang ada pada anak murid.

Kata guru tersebut, ini kerana jin itu (perubatan Islam) amat kasar dalam perlakuannya. Malah jika diterangkan sifat sifat makhluk itu ; adalah suka menipu.

Malah kekuatan makhluk alam ghaib ini diterangkan dengan turunnya wahyu kepada Rasulullah saw semasa diganggu dengan perasaan was was melalui peranan jin ini di dalam surah An Nas dan Al Falaq.

Namun begitu, kekuatan jin tidaklah setara dengan makhluk ciptaan Allah swt yang dinamakan manusia yang dijadikan khalifah di muka bumi ini.

Kisah ini boleh diperolehi melalui bacaan cerita mengenai kerajaan terhebat Nabi Sulaiman a.s, satu kisah yang saya ikuti dan pegang sehingga saya sembuh dari gangguan.

Jantung berdenyut kencang apabila bangkit dari tidur. Badan kepanasan seperti terbakar ketika waktu dingin. Badan kesejukan ketika waktu hangat.

Perasaan marah membuak buak. Perasaan berani mati datang. Perasaan menyerah jiwa dan raga pada Allah swt walau pisau di leher. Fikiran melayang layang. Fizikal merosot. Jiwa menjadi was was.

Luar dan dalam digodel godel. Dikorek korek dan disentak sentap.

Apakah salah sang guru mengajar anak muridnya dengan keras dan kasar?

Adalah satu perkara yang saya tidak sangka berada di sini dan memberi pendapat berkenaan negara dan diterima pendapat itu. Salam sejahtera ke atas Nabi ku Nabi Sulaiman a.s yang mempunyai kerajaan terhebat sepanjang zaman.

Dan benarlah berkenaan hadith yang menyatakan bahawa sebaik baik jin adalah sejahat jahat manusia.

Tunjukkan aku siapa manusia yang jahat itu.

Dan perlukah kita berdoa untuk bertemu dengan manusia yang jahat itu, bahkan tidak mempunyai ilmu jalan yang baik?

Sedangkan mengapa kita tidak berdoa untuk bertemu dengan manusia yang baik itu, yang tentunya telah dibekalkan dengan ilmu yang telah ditunjukkan jalan kejahatan kepadanya itu?

Terima kasih Tun.



8. [Log in to Reply anti rasuah](#) [Sep 25,2016 10:26 AM](#)

Assalamualaikum Tun.

Ralat:

6. SEMUA RAKYAT TERMASUK AGONG DAN SULTAN JUGA PM DAN MENTERI YANG MELAKUKAN JENAYAH KHUSUSNYA MELIBATKAN KEPENTINGAN RAKYAT, BOLEH DIDAKWA DENGAN TERLUS.

7. ASINGKAN KUASA SPRM DARI KUASA EKSEKUTIF. SPRM BOLEH DILETAKKAN DI BAWAH KUASA YANG DIPERTUAN AGONG.

8. BADAN KEHAKIMAN JUGA BUKAN LETAKNYA DI BAWAH KUASA EKSEKUTIF TETAPI DI BAWAH YANG DIPERTAN AGONG.

Pembetulan:

Jika Agong boleh didakwa atas kesalahan tertentu, kita letakkan KUASA SPRM dan BADAN KEHAKIMAN bebas dari mana-mana badan/institusi.

Ini kerana seorang agong adalah seorang manusia biasa.

Wassalam.



9. [Log in to Reply sibotak](#) [Sep 25,2016 8:41 AM](#)

Kerajaan Najib hanya memberi pada Asing , Kerajaan Asing

Mengarup dari Hasil Anak Bumi , Bumi sendiri

Najib lebih mengutamakan image & tembolok beliau

Lebih dari Kepentingan Negara

Ini kepimpinan Najis yg Jijik yg perlu di singkir

Walau kita harus singkirkan UMNO demi Najib

Tidak ada satu perbuatan Najib yg telah menguntungkan Malaysia

Kesemua yg Najib pegang Hagus begitu sahaja

Najib sering mengarup Tanah Kerajaan demi menimbusi lombang beliau yg beliau gali membabi buta. Tanya saja Menteri tertentu .Adakah tidak benar ?

Tidak ada pengertian mempertahankan UMNO jika UMNO dipimpin Pemimpin yg Lemah lagi Boros seperti Najib Tun Razak.

Kesemua yg Najib sentuh Negative tidak mendatangkan Hasil malah kami Malaysia bergadai Tanah Bergadai Maruah



10. [Log in to Reply WandyCaswady](#) Sep 25, 2016 8:27 AM

This would be my last post...

مُنْكَرُونَ لَهُ أَفَأَنْتُمْ ۗ أَنْزَلْنَاهُ مُبَارَكٌ ذِكْرًا وَهُدًى

Wahatha thikrun mubarakun anzalnahu afaantum lahu munkiroona

And this [Qur'an] is a blessed message which We have sent down. Then are you with it unacquainted?

Al-Anbiyaa 21:50

Jazakumullahu khairan kathiraa



11. [Log in to Reply faridina](#) Sep 25, 2016 1:57 AM

Assalam Dearest Tun,

I'm as good as you Iskandar and I can sense your presence this moment :).

Look forward your silly comment boy!

Wasalam Tun.



12. [Log in to Reply Karl](#) Sep 25, 2016 1:56 AM

Sy lihat rata-rata penyokong DrM di sini adalah naif dan mudah ditipu.

Mereka buat andaian itu dan ini, macam kes org buta dgn gajah. Contohnya, Puan Faridina dgn teori yg mencolek hati. Tak apa, teruskan mencuba, youre the best amongst the worst.

Teras argumen sy dlm loghat utagha baru ni adalah mudah – bahawa usaha DrM utk jatuhkan Najib melalui peruntukan undang-undang yg berdaulat gagal kerana DrM sendiri yg memperkosa hak Raja-raja dan, yang ini macik-macik jangan lupa ya, laluan Privy Council yg DrM sembelih dan kambus di era pemerintahan diktator MahaFiraun.

La ni, DrM dah ghaplah. Sebabnya? ada kes pecah amanah yg melibatkan ahli keluarga DrM akan diadili di mahkamah tak lama lagi, jika Najib tak diturunkan, kantoilah kawan tu dan boleh masuk lokap.

Sebab tu lah DrM la ni dok coba buat persepsi seolah-olah undang-undang kita tak laku. Omputih kata, pre-emptive strike. End game dah dekat.

Ni nak habaq mai. Ampa jangan maghah na.



13. [Log in to Reply](#) **faridina** [Sep 25, 2016 12:59 AM](#)

Dearest Tun,

Thousand apologies Mansfield sir, this was the video <https://youtu.be/X6R0p8l1XQE> that I actually saw the glimpse of you .

Bagaimanapun ada dua perkara yang dikira baru kami ketahui melalui sesi soal jawab ini.

i. Isu Pemecatan Ketua Hakim (KH).

Baru dengar dari mulut Tun tadi bahawa yang membuat terpecatnya KH bukanlah angkara campurtangan Tun tetapi begini ceritanya ;

KH dulu ada ke patut komplek pasal bunyi bising kerja2 pembinaan berhampiran kediamannya dengan YDP Agong (apa dia ingat YDPA kaunter komplek DBKL ke?)

Nak jadi cerita YDPA masa tu ialah Almarhum Sultan Iskandar (Johor) semua sedia maklum daulat baginda maka murkalah baginda; mana ada pegawai kerajaan berani tulis surat kepada baginda lepas tu pasal benda remeh temeh dan lagi murka baginda bila KH tu siap beri salinan kepada (s.k.) pada semua Raja2 Melayu. Tribunal dilantik menghukum KH tanpa melibatkan YDPA atas nasihat AG dan

PM lah kena tanggung .

ii. Tun beri penerangan yang baik di London berhubung Akta MKN.

Tun dulu buat pindaan untuk Rang2 Undang bagi kepentingan rakyat takut tidak dipersetujui YDPA dipulangkan kembali ke Parlimen untuk semakan dan kemudian hantar balik, masih tidak juga ditandatangani oleh YDPA barulah selepas sebulan dua automatik berkuatkuasa sebagai undang2.

Tun berkata "Masa tu kita ingat cuma YDPA boleh bawa masalah, TAK sangka pulak hari ni PM boleh buat masalah".

Asas bagi Akta MKN pula melibatkan hak YDPA untuk mengisytiharkan darurat dinafikan – ini bertentang dengan di atas ada rakyat(PM) pula nak ambil hak YDPA yang jelas termaktub dalam Perlembagaan dan Tun M tidak pinda langsung.

Dearest Tun, you sure is the best and I envy the way you tackle all those questions. As always, you made us very proud to be associated with you – NOT NAJIB !

Bon voyage Sir.
Safe journey for both of you Tuns.
Wasalam.



14. [Log in to Reply](#) **zulu** [Sep 24, 2016 11:00 PM](#)

There is a minister called "Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak"...don't know in what field this crook got doctorate...now he works full time for Rosmah and Najis rather than working for the people and the country.

Always Rosmah use him to give statements, but this crook don't know people already knew Najis had 1MDB money in his personal account, and that came out in black and white.

This crook thinks people will simply believe whatever he speaks...people should note that this kind of boot licker will do anything for vitamin M, so they need to prevent him from winning in next election.



15. [Log in to Reply](#) **endro** [Sep 24, 2016 10:42 PM](#)

UNDANG-UNDANG DAN PERLEMBAGAAN NEGARA,

Salam Sejahtera,

Hanya beri pendapat bukan nak politik,

1. Di sini, isu Najib tak ikut undang2 ini saya rasa seperti pekerja bawahan dan BOS atau majikan. Jika pekerja bawahan tegur BOS buat kesalahan, ianya seolah-olah "siapa lah kita" bagi pandangan dia.
2. Jika pegawai bawahan membuat laporan terus kepada pegawai lebih tinggi dari BOS itu pun, belum tentu pegawai berkenaan tersebut akan mendengar kita biarpun kita tunjukan ada bukti BOS itu buat kesalahan.
3. Ini kerana BOS ITU dan PEGAWAI LEBIH TINGGI DARI BOS ITU ada hubungan antara satu sama lain atau akrab. terjadilah politik pejabat atau politik kerajaan.
4. JADI, sia-sia jika rakyat biasa membuat laporan polis terhadap pemimpin negara. KECUALI SISTEM BARAT YANG KUAT DENGAN UNDANG2.. TAPI negara asia.. sukar.
5. SATU-SATUNYA JALAN PENYELESAIAN SAMA ADA RAKYAT SOKONG NAJIB ATAU TIDAK DENGAN PILIHAN RAYA UMUM (PRU).
6. Jika RAKYAT Sokong NAJIB, Dia akan terus memerintah. dan lagi KENAPA CUKAI AIRPORT MAKIN NAIK? APA INI CARA NAJIB NAK BAYAR HUTANG 1MDB?
7. JIKA RAKYAT TIDAK SOKONG NAJIB, MAKA NAJIB MESTI BERUNDUR DAN LETAK JAWATAN SECARA SUKARELA. DAN Pengikut-pengikut najib harus diturunkan pangkat supaya tidak terjadi "duri dalam daging".

16.  [Log in to Reply](#) **balance** [Sep 24, 2016 7:34 PM](#)

Tun,

To do mistakes is human but to steal is criminal. Whatever mistakes you done is with good intention for Malaysia.

Wish you success

17.  [Log in to Reply](#) **faridina** [Sep 24, 2016 6:20 PM](#)

Assalamualaikum Dearest Tun,

Dear Sir John Mansfield,

Could this be the talk you were talking about?

<https://youtu.be/Don2oFRt3b0>

Seriously I can see the glimpse of you and we really appreciate your presence.

Thank you Sir.

Wasalam Tun.

18.  [Log in to Reply](#) **faridina** [Sep 24, 2016 5:03 PM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Ana bersetuju dengan ante bro cruze (orang kg. ana) bahawa jangan dilayan si karldai ni tapi kalau kita kaji sikit siapa Karl Iskandar ni bolehkan untuk tujuan kajian Peranan Siber Trooper Upahan Najib – Modus Operandi & Implikasinya Pada Masyarakat Siber.

Sebagai seorang STUN (siber trooper upahan najib) Karldai telah lama memantau blog ini dan apabila seorang demi seorang penyokong Najib terkorban atau berpaling tadah maka sebagai seorang yang mengaku dirinya mewakili golongan muda dengan beraninya terjun ke blog ini dengan misi kamikaze nya.

Mulanya menggunakan karl-iskandar.ml namun kemudiannya setelah beberapa bulan mengganas di sini dia akhirnya mendakwa telah diblok oleh admin dan menghilang dalam sebulan dua untuk kemudiannya muncul kembali sebagai Karl sahaja dan juga membuka pautan palsu Bersatu juga Pribumi.

Cerita di bawah ini hanya andaian dan rekaan semata-mata tiada kena mengena dengan sesiapaupun mahupun Karl dai ya.

Najib memang diketahui lebih mempercayai kehebatan dan daya kreativiti orang2 muda seperti Jho Low, Riza Aziz dan ramai lagi yang tidak diketahui.

Ada orang muda ini di dekad yang lepas telah mengeksplotasikan dunia blogging yang masih baharu ketika itu dan mengambil kesempatan menawarkan pelbagai pakej pelaburan dengan tawaran pulangan yang tinggi semuanya macam 'scheme to scam' (skim untuk menipu) yang akhirnya macam piramid akan (collapse) runtuh.

Namun sebagai usahawan kreatif dengan otak bergeliga dia mengilhamkan program ternakan ikan pula dan macam2 lagi yang tidak kesampaian sebab nawaitunya tidak betul.

Nah Najib banyak meniru business model budak muda ini yang bergeliga ini.

Namun pabila budak muda ini terkandas di tengah jalan dan Najib pula berjaya dengan baby project 1MDB dan project derma Arab lantas beliau mengemukakan kertaskerja STUN ala2 Red Bean dakwa dialah sebagai platform perang saraf siber tuannya Najib.

Budak muda ini mendakwa mempunyai team yang pakar dalam dunia internet dan siber serta boleh hack dan akses mana2 site untuk kepentingan tuannya.

Walaubagaimana macam biasalah atas kertas nampak cantik hasilnya hampa belaka namun fulus dah banyak keluar bukan bulanan tapi upfront lumpsum project basis banyak tu gagal lantas tiada rotan akar pun boleh.

Justru itu banyak benda2 yang merepek2 merapu2 mencarut2 dikeluarkan ke sasarannya janji ada ala-ala perang psikologi serta distraction.

Alamak cruze dakwat ana habislah pulak cerita bulum habisss...

Wasalam Tun.



19. [Log in to Reply](#) **cruze** [Sep 24, 2016 4:47 PM](#)

Tun jumpa YDP Agong di istana anak bukit, najib kata di istana bukit malut, Tun kata deklarasi raykat, najib kata deklarasi Bersatu, Najb sudah tanda tangan di dokumen meluluskan pindahan dana najib dan menteri kata tak baca habis dan telah sign saja...makin melalut.

Jangan jangan Karl ni najib kot, dulu para blogger kata karl ni si gagap lidah pendek puad jarkasi yang kata orang2 batu pahat kuat kroni dan ehm..ehm.. dan apabila di tendang najib kutip sebab berpotensi menyalak.....

Kasihaniilah nasib anak bangsa kita untuk masa hadapan karl.

Paling mudah untuk kita fikirkan adalah cabaran anak bangsa kita zaman akan datang.

Tanah pusaka semakin tiada, harga rumah apartment paling rendah rm300,000.00 sedangkan gaji mereka tidak besar mana di tambah dengan bebanan gst...

Jangan pentingkan periuk nasi sendiri karl, azalina, sallah kruak, hisamuddin, khairi, rahman dahlan, mufti pahang, menteri besar terengganu, melaka, kedah yang dah tenat dapat balasan sebab

perbuatan khianat itu dan lain lain juga raja raja.

Tanpa rakyat yang bertungkus lumus menyemarakkan suasana pekerjaan kebajikan dan sosial serta mereka lah yang memangkah kamu semasa pru maka tak adalah kemewahan yang kamu semua kecapai sekarang.

Hidup harus faham memahami, menjawat jawatan harus jujur kerana walau rakyat biasa mahu pun raja, apabila mati kamu semua di timbus dengan tanah yang kamu pijak bukan emas, istana, rumah besar, kereta besar atau beg tangan mahal yang mengiringi kita semua di saat mati.


Kamu semua angkuh termasuk para raja raja apabila keuzuran tiba menepis lalat atau nyamuk di badan pun kamu tidak berupaya.

Ingatlah wahai ali tinju dan jamal...takala usia mu di hujung keuzuran...adakah mampu kamu mengangkat pisau cukur untuk trim misai dan janggut kamu agar hensem dalam keadaan sekarang kamu sungguh bangga dengan kekuatan yang di tunjuk hingga sanggup mahu meludah tun dan ada juga yang menggelarkan tun adalah orang tua yang hilang akal...

Masa untuk kamu semua akan sampai walau kamu mengambil ubat tahan tua....sesungguhnya kamu tiada ubat untuk menahan giliran untuk kematian.

20.  [Log in to Reply](#) **zz** [Sep 24, 2016 1:37 PM](#)

'Karl nak habaq mai'...Najib & talibarut2 dah sekian lama bercakap secara 'Bodoh yg sub normal'. Ni nak habaq mai...tambah seorang yg letak otak kat lutut! Jangan marah no...

21.  [Log in to Reply](#) **Hajar** [Sep 24, 2016 1:12 PM](#)

Salam YAB dan Yang Amat DiKasihi Tun,

Mohon izin Tun:

Ni nak habaq mai..

'Tong sampahkan' saja kenyataan-kenyataan bodoh dan tuduhan-tuduhan liar yang di buat oleh Sdr. Karl. Buat peghabih boreh je..

Awat yang hang meracau merapu-meraban 'keluar topik' Sdr. Karl oiii.. selalu cakap tak serupa bikin. For once, please be more intelligent and be consistent! Inilah kualiti orang upahan rejim Najib..Alahai...

Kenyataan anda dengan kenyataan PM Najib @ Ah Jib Gor sama level – HAMPEH! Tidak berfikir dan membuat kajian sebelum membuat kenyataan, tapi perasan bagus!

Kenyataan Najib ini memang satu kenyataan yang teramat dangkal – ia 'memancarkan' tahap pemikiran beliau dan penyokong2 beliau, termasuk si 'Karl' (yang rendah – tidak berilmu).

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga ***

22.  [Log in to Reply](#) **WandyCaswady** [Sep 24, 2016 12:50 PM](#)

Karl = Attention seeker

23.  [Log in to Reply](#) **Karl** [Sep 24, 2016 11:19 AM](#)

Nak habaq mai...

Modal polutik DrM ialah membuat tuduhan.

Dulu tuduh British Dan US jahat.

La ni, DrM berkepit dgn depa sebab nak tumbang Najib.

Tak dapat tumbang Najib, dia nak tibai UMNO pulak.

Tibai dari belakang. Hasut ahli UMNO utk lawan UMNO.

Dulu kita sangka Anwar saja kaki tibai belakang.

Ropa-ropanya DrM lagi tera.

Dulu, lama dulu tahun 1988, DrM tibai Ketua Hakim Salleh Abas sampai tesungkoq kawan tu. Sedih taw.

Tapi, la ni DrM merangkak cari balik peruntukan undang-undang utk tibai Najib.

Najib gelak besaq. Nak habaq mai.

Jangan marah na.

Enjoi

24.  [Log in to Reply](#) **anti rasuah** [Sep 24, 2016 11:07 AM](#)

Assalamualaikum Tun.

Setuju dalam banyak perkara pandangan dari Faridina, rimba.emas, musato, Hajar, Cruze, Kamarulaznan dan ramai lagi.

Penubuhan PPBM adalah jalan yang paling wajar ke arah menghapuskan keegoan Najis Razak dan sekutunya.

UMNO semakin tidak releven di mata rakyat.

Jika kita lihat bolehkah PAS menggantikan UMNO? Saya rasa teramat mustahil kerana PAS tidak mendapat majoriti kaum kecuali atas sokongan kaum Cina, India di bawah PR pada 2 PRU lalu. Jika

tanpa sokongan 2 kaum ini, siapalah PAS. Di Sabah dan Sarawak, PAS dilihat sebagai pokok tumpang yang hidup di bawah gabungan parti lain.

Berbalik tentang UMNO semakin tidak relevan di mata rakyat, ini kerana pengaruh Tun Mahathir dalam UMNO telah membuat sesetengah ahli UMNO (kebanyakannya tiada jawatan dan melihat Najis banyak buruk dari baiknya) walaupun tidak keluar UMNO tetapi semasa PRU akan datang akan memberi sokongan kepada bukan UMNO atau BN.

Kalau PRU13 lalu nisbah sokong BN berbanding pembangkang adalah 49:51 maka KALI INI PADA PRU14 NISBAHNYA MUNGKIN 40:60 atau mungkin lebih. Ini saya lihat kerana faktor kebodohan Najis berbanding pengaruh Tun Mahathir yang mengetuai pembangkang mungkin menjadi 40:60 atau 35:65.

Jika pembangkang ingin menawan hati rakyat dari Perlis hinggalah ke Sabah antara janji-janji pembangkang wajarlah memasukkan dalam manifesto termaktub janji-janji di bawah:

1. TIADA KENAIKAN LAGI PADA GST. Untuk menarik balik GST yang telah dilaksanakan oleh Najis amatlah sukar.
2. JANJI NAJIS MEMBINA LEBOHRAYA PAN-BORNEO TANPA TOL DITERUSKAN jika Sabah dan Sarawak memberi sokongan kepada bukan kerajaan BN.
3. TIADA KENAIKAN TOL YANG TIDAK MUNASABAH LAGI SEPERTI 80% DILAKUKAN NAJIS.
4. HAPUSKAN KORUPSI KE ANGKA "0".
5. KURANGKAN BIROKRASI.
6. SEMUA RAKYAT TERMASUK AGONG DAN SULTAN JUGA PM DAN MENTERI YANG MELAKUKAN JENAYAH KHUSUSNYA MELIBATKAN KEPENTINGAN RAKYAT, BOLEH DIDAKWA DENGAN TERLUS.
7. ASINGKAN KUASA SPRM DARI KUASA EKSEKUTIF. SPRM BOLEH DILETAKKAN DI BAWAH KUASA YANG DIPERTUAN AGONG.
8. BADAN KEHAKIMAN JUGA BUKAN LETAKNYA DI BAWAH KUASA EKSEKUTIF TETAPI DI BAWAH YANG DIPERTUAN AGONG.
9. PM BOLEH DIPEGANG SELAMA 10 TAHUN SAHAJA.
10. ROYALTI NEGERI-NEGERI YANG PUNYAI MINYAK DIKEMASKINI DAN WAJAR DIBERI LEBIH DARI SEKARANG SEPERTI 10-15%.
11. NEGERI YANG MAHU LAKSANAKAN HUDUD WAJAR DIBERI JIKA UNDIAN RAKYAT DISESEBUAH NEGERI ITU 75% MENYOKONG HUDUD.
12. HUKUMAN LEBIH BERAT KEPADA PENYELUDUP (ORANG DAN BARANGAN), PEMBUNUH, PEROGOL, MEMBALAK HARAM, MENGEDAR DADAH, RAKYAT HINGGA KEPADA PEMIMPIN JUGA RAJA-RAJA YANG KORUPSI.
13. HAPUSKAN RUMAH-RUMAH URUT, TEMPAT MAKSIAT SECARA SERIUS.

14. ADAKAN JALINAN LEBUHRAYA YANG ADIL UNTUK SEMUA NEGERI DALAM MALAYSIA. SEPERTI LEBUHRAYA HINGGA KE KOTA BHARU PATUT DIADAKAN, BEGITU JUGA SABAH DAN SARAWAK.

15. MENGADAKAN AKTA MELARANG RAKYAT MEMBURUK-BURUKKAN AGAMA LAIN. HUKUMAN BUANG NEGARA WAJAR DEMI MELAHIRKAN RAKYAT LEBIH HORMAT-MENGHORMATI ANTARA SATU SAMA LAIN.

DAN BANYAK LAGI TUN.

Perlu diingat Tun, bertanding pada PRU akan datang adalah satu lawan satu.

Wassalam Tun.



25. [Log in to Reply](#) **Kamarulaznan** [Sep 24, 2016 11:00 AM](#)

Assalamualaikum,

Menarik apa yang cuba dikatakan oleh rimba.emas mengenai keadilan yang rapoh kerana yang mengadili lemah. Ini disebabkan perkara yang besar dianggap kecil dengan menggunakan alasan negara masih aman lagi. Rasuah diambil ringan tanpa memikirkan kerosakan kepada masyarakat satu hari nanti.

Mungkin kita boleh rujuk semula perubahan yang hendak dilakukan oleh Tun Mahathir seperti yang ditulis oleh beliau dalam ruangan "Why A New Party" perenggan 17.



26. [Log in to Reply](#) **Fariq Islam** [Sep 24, 2016 7:32 AM](#)

Assalamualaikum, Tun.

Alangkah pedihnya tanahair kita dihantui dengan pelbagai gejala tak adil, terutamanya dalam pelaksanaan.

Salah satu gejala tak patuhi undang-undang adalah berkenaan dengan penghasutan, di mana orang-orang tertentu dibiar bermaharajalela.



27. [Log in to Reply](#) **tariqmind** [Sep 24, 2016 1:03 AM](#)

Salam Tun,

Satu point amat penting saya nak 'highlight' dalam Post Tun di 'Malaysian Official 1'.

Point Terakhir. (Dipetik Dari Saman DoJ)

XXI. Page 76 para 264. " Bank records associated with the Tanore Account show that TAN was the beneficial owner of the Tanore Account, from which the \$681,000,000 payments to the account of MALAYSIAN OFFICAL 1 (Najib) were made, and that 1MDB OFFICER 3 was added as an authorized

signor on the Tanore Account roughly one day before the first wire of \$620,000,000 was sent from the Tanore Account to the account of MALAYSIAN OFFICIAL 1 (Najib)."

.....

Penjelasan oleh DS Najib dan pemimpin UMNO dari Kerajaan kepada seluruh anggota masyarakat bahawa derma USD 681 million (RM 2.6 billion yang mahsyur di media) bahawa datangnya dari 'Tok Arab'.

Dari petikan atas ditulis bahawa 'beneficial owner' atau pemilik akaun Tanore Finance Corp yang menderma adalah 'TAN' iaitu Eric Tan Kim Loong, kenalan Jho Low.

Soalan 'PENTING'....

Bagaimana penderma Eric 'TAN' seorang Cina tapi bangsanya 'Arab'?

Mungkin Tun boleh tanya pendapat-pendapat orang ramai setiap kali memberi ucapan berkenaan Kes 1MDB. Cuba tanya adakah 'Rakyat' Malaysia atau Bangsa Malaysia, Bangsa mudah diperbodohkan?

*Ps : Tanore = 'Tan'-ore, TAN = Eric Tan, ore pula bermaksud bijih dlm Bahasa Italy..myb bijih (lubang duit). nama company xdak kena mengena dgn bahasa Arab

28.  [Log in to Reply rimba.emas](#) Sep 23, 2016 11:55 PM

Salam Tun.

1. Sebelum ini Rimba Emas menyatakan kesalahan di dunia tidak akan terlepas kerana kita akan diadili lagi di akhirat.
2. Di akhirat bukan sahaja yang bersalah akan diadili tetapi juga tuan Hakim yang melepaskan pesalah itu juga akan menghadapi pengadilan dari Allah s.w.t.
3. Gambarnya dalam menegakkan KEBENARAN perlukan satu kuasa yang luar biasa yang tidak boleh merosakkan erti kebenaran itu.
4. Sebab itulah Allah s.w.t memberi kata amaran berulang kali seperti ayat , " Celaka besarlah pada hari itu bagi orang-orang yang mendustakan ."
5. Lagi gambaran kepada manusia yang pandai bermain politik kotor dengan tipudaya , merasa diri cukup pintar , mempunyai taktik dan teknik ketika di dunia dapat menipu manusia , tetapi cubalah kepada tuhan.
6. Adakah segala cubaan ini dapat melepaskan diri dari tuhan ?
7. KEADILAN Allah s.w.t di perteguhkan dengan kuasa dengan ayat selanjutnya , " Ini adalah hari yang mereka tidak dapat bercakap."

8. Maksudnya , manusia bersalah itu ketika di dunia dapat menipu manusia lain dengan pertuturannya kini tidak boleh menafikan lagi kerana tangan-tangan mereka yang bercakap dan kaki-kaki mereka juga menjadi saksi tentang apa yang mereka usahakan.

9. Sebaliknya dalam perlembagaan sekarang soal KEADILAN begitu rapoh kerana cara pengadilan di adili seorang manusia yang lemah yang tidak mempunyai kuasa luar biasa menegakkan keadilan sebenar.

10. Allah s.w.t sendiri menegakkan keadilan melalui PERBICARAAN , barulah dapat menjatuhkan hukuman bersalah atau tidak .

11. Sementara perlembagaan kita pula ada hukuman salah atau tidak tanpa perbicaraan , ini bermakna kita rakyat Malaysia dalam bahaya kerana KEBENARAN DI RACUNI OLEH KEPALSUAN YANG BOLEH MERUGIKAN KITA DUNIA DAN AKHIRAT.

Wallahua'lam.



29. [Log in to Reply](#) **faridina** Sep 23, 2016 11:43 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Kenyataan Najib dibuat secara tergesa2 kerana tidak menyangka Tun akan ke Istana Anak Bukit untuk mengadap YDP Agong yang telah berangkat pulang ke Kedah.

Sememangnya kehadiran Tun membawa perkhabaran 2 perkara iaitu Deklarasi Rakyat dan Akta MKN yang tidak mendapat restu Majlis Raja-Raja.

Sekurang2nya apa yang dihajati untuk dipersembahkan di Istana Negara yang tidak kesampaian telah berjaya diserahkan di Istana Sultan Kedah sendiri seolah2 satu teknik membelakangkan arahan Najib.

Sekurang2nya YDP Agong sendiri dapat menilai keseriusan DR secara langsung dan tambahan di pihak istana mungkin telah dimaklumkan mengikut perlembagaan Majlis Raja-Raja Melayu boleh merujuk ke mahkamah sekiranya tidak berpuashati dengan Akta MKN yang telah diarah untuk penambahbaikan sebelum ini.

Maka kenyataan Najib dan PMO yang tergesa2 dengan banyak kesilapan antaranya lokasi pertemuan dikatakan di Istana Langkawi pada mulanya, kesalahan nama PPBM dan akronimnya menunjuk kan Najib tertekan dan ingin mengeluarkan kenyataan secepat mungkin.

Kenyataan Najib itu boleh disimpulkan terarah kepada YDP Agong secara tidak langsung sebenarnya dengan memberi amaran kepada pihak istana jangan menuruti kehendak rakyat melalui ayahanda Tun sebab Najiblah batang tubuh undang2 negara ini dan YDPA mesti patuh pada arahnya.

Ayahanda Tun rakyat sudah menerima hakikat bahawa tiada lagi saluran undang2 di negara ini dan hanya melalui peti undi sahaja boleh merubah segala2nya.

Namun kami tetap menghargai usaha murni Tun yang tetap mahu mencuba demi kami rakyat.

Wasalam Tun.

30.  [Log in to Reply johnmansfield](#) Sep 23, 2016 11:24 PM

Tun,

I enjoyed your talk the other night. It was interesting to hear people ask if you were safe in Malaysia.

I hope you enjoyed your time in the UK.

My thanks to your good wife for accepting my book.

John Mansfield

31.  [Log in to Reply musato](#) Sep 23, 2016 10:17 PM

Assalamualaikum Tun.

Berasa dah lama kita komplek pasal kelakuan Najib, bermula dengan 1MDB. Segala macam cara Tun Mahathir lakukan agar Najib sedar dan berundur secara sukarela. Tapi nampaknya tak sedar kediri jugak nampaknya. Boleh dikatakan bahwa kelakuan menggunakan orang tengah tanpa badan rasmi kerajaan serta memberi habuan serta imbuhan yang berat ke arah rasuah dengan menggunakan sewenang wenangnya hasil negara dan rakyat Malaysia dianggap sebagai perkara biasa dan dikatakan orang yang menegur itu pun sama kelakuannya semasa mentadbir negara.

Pada mulanya, saya tidak terlalu memberi galakkan pada Tun dalam perkara ini kerana kelihatan strategi tidak begitu ampuh. Oleh itu, beberapa impak telah diwujudkan pada awal permulaannya sebagai menyokong pendirian Tun Mahathir ini.

Dan hasilnya beberapa rakan politik Tun telah memberikan cadangan masing masing bagaimana mahu melaksanakan tekanan pada Najib. Dan pada masa itu, pasukan Tun diperlekehkan kerana 'kekalahan demi kekalahan' terhasil.

Seperti saya katakan sebelum ini, terdapat ruang masa di antaranya diberikan agar keselesaan antara Tun dan rakan politik Tun terjadi dengan melaksanakan idea idea yang dicadangkan.

Namun hasil pelaksanaan cadangan tersebut tidak begitu baik.

Sehinggalah tiba pada masanya saya memberi pendapat saya, yang mana pendapat saya tersebut dikaji dan terhasillah satu penubuhan parti baru iaitu PPBM.

Maka dengan itu, ketahuilah sedara sedara sekalian, usahlah berasa jemu dan berasa sudah terlalu lama kita laungkan "undur Najib", kerana ia baru bermula.

Mengikut sejarah terdahulu, kita hanya perlukan masa lebih kurang setahun sahaja bagi mencapai keinginan kita. Bermula sekarang.

InsyaAllah.

Musato

Terima kasih Tun.

32.  [Log in to Reply musato](#) [Sep 23, 2016 7:35 PM](#)

Assalamualaikum Tun.

Najib bercakap hanya cakap Najib.

Dengar cite Nazri Aziz kata Tun Mahathir akan diberikan apa saja untuk menjatuhkan Najib.

Kalau mengikut pengalaman saya, Pak Lah menyerahkan pentadbiran kepada Najib sebelum pilihanraya ke 13.

Atau mungkin Najib juga akan menyerahkan pentadbirannya kepada penggantinya sebelum PRU ke 14?

Jikalau berlaku sedemikian...wow!! Bukan sekali berlaku tapi dua kali. Itu bukan kebetulan namanya.

Insyallah.

Teringat saya pada bacaan sejarah perkataan Insyallah, bilamana Rasulullah saw mendahului keyakinannya akan datangnya jawapan dari Allah swt tanpa menyebut Insyallah (dengan izin Allah swt).

Terima kasih Tun.

33.  [Log in to Reply Buddies_Man](#) [Sep 23, 2016 6:34 PM](#)

Salam Tun,

Again you are right.

The gasing SPINNING is getting slower and slower.

The Royal is true, just a symbol.

Hv a good holiday Sir.

The truth will prevail. You are the catalyzer.

Again Thank You.

Wassalam

34.  [Log in to Reply Kamarulaznan](#) [Sep 23, 2016 6:04 PM](#)

Assalamualaikum Tun,

Setuju dengan kata-kata Tun itu. Undang-undang tidak boleh ada pengecualian kepada mana-mana individu atau kumpulan.

Di Mahkamah, semua pihak akan diberi peluang untuk mengeluarkan bukti dan berhujah. Apa yang perlu ditakutkan kalau seseorang itu percaya dia tidak bersalah? Bercakaplah sepuas-puasnya di dalam mahkamah dan biarlah diadili dengan sewajarnya.

Malangnya proses ini tidak berlaku. Bagaimana hendak mendapat kepercayaan rakyat?

© 2016 — All Rights Reserved.

Source: <http://chedet.cc/?p=2266>